

17/07/1997

KM terima ijazah kehormat

GEORGETOWN, Rabu - Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, mendahului senarai tiga penerima anugerah ijazah kehormat Universiti Sains Malaysia (USM) sempena Konvokesyen ke-26 universiti itu, pada 2 dan 3 Ogos depan.

Dua tokoh lain ialah bekas hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Abdul Aziz Zain dan Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Naib Canselor USM, Datuk Prof Ishak Tambi Kechik, berkata ketiga-tiga tokoh berkenaan disifatkan sentiasa mencurahkan khidmat bakti untuk masyarakat negara ini.

Dr Koh, 47, yang juga anak jati negeri ini akan menerima ijazah kehormat Doktor Undang-Undang sebagai menghargai dan mengiktiraf usahanya terhadap pembangunan Pulau Pinang.

(END)